

PROGRAM DIGITAL PERAK GIVES BACK: SCHOOL EDITION BERI MANFAAT 100 PELAJAR SEKOLAH DI DUN KOTA TAMPAH

**DIGITAL PERAK BERSAMA-SAMA DENGAN PENYUMBANG PRIHATIN
DAN WAN HULURKAN BANTUAN KEPERLUAN SEKOLAH**



Sumbangan diserahkan oleh En. Rozamir, Pengarah Urusan Canggih Sutera Sdn Bhd mewakili Digital Perak

LENGGONG, JANUARI 20, 2021 – Seramai 100 orang pelajar daripada sekolah rendah dan menengah sekitar DUN Kota Tampan telah menerima manfaat bantuan kelengkapan persekolahan, pada hari ini.

Mereka akan menerima set pakaian seragam, kasut, stoking dan beg sekolah, alat tulis dan pelitup muka sempena menyambut pembukaan sesi persekolahan baru 2021.

Bantuan ini diberikan menerusi program Digital Perak Gives Back: School Edition yang julung-julung kali diadakan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan dijayakan bersama-sama rakan strategik, iaitu syarikat iklan luaran, Danwan Corporation Sdn. Bhd. (Danwan).

Penyerahan bantuan ini telah diagihkan menerusi Pusat Khidmat DUN Kota Tampan.

Meor Rezal Fitri berkata, langkah ini dapat membantu mengurangkan beban keluarga yang kurang berkemampuan, terutamanya dalam menghadapi cabaran keadaan ekonomi yang dicetuskan pandemik COVID-19.

“Kami merancang untuk melaksanakan lagi program seperti ini pada masa akan datang dengan adanya pemain-pemain industri yang sudi memberikan sedikit tajaan dalam pemberian bantuan kebajikan pelajar daripada golongan yang memerlukan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) organisasi.

Dengan adanya pemberian keperluan sekolah seperti ini, diharapkan beban keluarga mereka dapat diringankan juga anak-anak lebih bersemangat dan bermotivasi untuk menyambung aktiviti pembelajaran selepas kembali ke sekolah,” katanya.

